

Bersediakah Malaysia adaptasi ke arah digital?

Astro Awani

16 Jun 2020

Fareez Azman,

KUALA LUMPUR: Wabak COVID-19 yang melanda negara memberi satu gambaran bahawa sudah bersediakah sektor perniagaan di Malaysia mengadaptasi era digital?

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, kerajaan menerusi beberapa kementerian dan agensi kini dalam usaha membantu setiap sektor yang terjejas untuk mencapai hasrat tersebut.

Malah ujarinya, pandemik COVID-19 bukan hanya satu krisis kesihatan yang melanda dunia, bahkan ia turut memberi indikasi bahawa setiap rakyat perlu mula mesra digital.

"Kita telah mengubah cara kita melakukan sesuatu, kita bekerja dari rumah menjadi kebiasaan ketika ini. Banyak juga urusan dilakukan secara dalam talian, itu menjadi penggerak utama bagi kerajaan untuk mempercepatkan pendigitalan.

"Di sebalik itu, banyak perkara yang perlu kita lakukan dalam mencapai agenda digital ini. Kita (kerajaan) kini sedang melakukan promosi e-perniagaan, memberi sokongan kepada gig ekonomi serta adaptasi digital bagi rakyat di kawasan pendalaman," katanya dalam ucapan terna Forum NEC Roland Berger Live dengan tajuk 'Mempercepat ID Digital bagi Membolehkan Ekonomi Digital dalam Norma Baharu' baru baru ini.

Jelas Mustapa, di samping usaha itu beliau mengakui banyak cabaran terpaksa ditempuhi oleh kerajaan.

Katanya, ia termasuk memastikan setiap infrastruktur komunikasi, akses internet, platform digital serta kesedaran rakyat terutama di kawasan luar bandar agar mengambil bahagian dalam agenda ini secara langsung.

"Cabarannya ialah bagaimana kita dapat menterjemahkan agenda ini dari Putrajaya sehingga ke setiap kawasan di negara ini.

"Jadi, ini adalah antara beberapa pengajaran yang kita pelajari menuju ke masa depan. Sudah tentunya, kita bertekad untuk memastikan Malaysia memanfaatkan sepenuhnya landskap yang berubah ini," katanya lagi.

Tambah beliau kejayaan negara bergantung kepada sepiantas mana setiap sektor perniagaan dan rakyat di negara ini dapat menyesuaikan diri dengan normal baharu itu.

Beliau berkata demikian dalam Forum yang dihoskan oleh NEC Corporation.

Turut serta dalam forum itu ialah Pengarah Urusan NEC Malaysia Chong Kai Wooi, Ketua NEC Consulting Walter Lee, Ketua Pegawai Strategi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia Datuk Fadzli Shah Anuar serta Ketua Penyelidik dan Felo Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Dr Shankaran Nambiar.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bersediakah-malaysia-adaptasi-ke-arah-digital-247474>